

06 JAN 2003

Mahathir-Pentadbiran

KEAMANAN SAHAJA TIDAK CUKUP, MASIH PERLU PENTADBIRAN CEKAP

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Keamanan negara sahaja tidak cukup untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang baik kerana pentadbiran negara yang cekap dan telus masih diperlukan sebagai jentera penggerak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kecekapan dan ketelusan pentadbiran negara penting kerana jika pentadbiran tidak cekap, pembangunan negara tidak lancar.

Tidak banyak negara lain yang ada kemampuan ini, dan yang dapat melaksanakan dasar negara secara cekap.

Di negara-negara lain, rasuah menjadi budaya pentadbiran dan melambatkan proses pembangunan, katanya pada sidang media selepas berucap di Majlis perasmian bangunan Pusat Pengurusan Teknologi Intan (IMATEC) di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini.

Beliau berkata kelulusan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti ekonomi seperti projek-projek pembinaan atau pengeluaran lesen sengaja ditangguhkan untuk mendapat sogokan wang.

Dr Mahathir berkata, negara-negara yang mempunyai budaya seperti ini tidak mungkin dapat dimajukan walaupun mereka kaya dengan sumber-sumber alam dan galian, seperti emas, minyak dan balak.

Menyentuh tentang ekonomi dunia pula, Dr Mahathir berkata tahun 2002 merupakan tahun mencabar, yakni keadaan dunia tidak menentu, penuh peristiwa-peristiwa yang menyebabkan dunia tidak dapat maju sepertimana yang sepatutnya.

"Walaupun kita boleh kata dunia sekarang ini kaya sekali hingggkan ada orang sudah sampai ke tahap trilionaire, kita masih dapati kemiskinan di seluruh dunia...ada yang masih tidak cukup makan dan pakaian serta hidup tidak berbumbung."

"Mereka juga sering diserang penyakit dan berjangka hayat pendek. Pendapatan mereka dianggar US\$1 sehari setiap seorang ataupun setiap satu keluarga," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Memandangkan kekayaan dunia, perkara seperti ini sepatutnya tidak berlaku. Yang kaya dan kuat tidak hiraukan yang lemah, asyik dengan kekayaan dan "perkenalkan" pelbagai cara buat duit seperti globalisasi."

"Dunia juga dilanda keganasan yang mana boleh berlaku di mana-mana sahaja, tidak kira di New York, Washington, Bali atau Kenya. Ekonomi dunia tidak dapat tumbuh seperti yang dijangkakan dan turut memberikan kesan kepada Malaysia," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA

MFZ HK PR